



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**01 November 2022
6 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Bot, warga Indonesia ditahan menceroboh
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		20	1/11/2022



BOT nelayan warga Indonesia yang ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang di Pulau Kendi.

PENCEROBOHAN DEKAT PULAU KENDI *metro 1/11/2022 ms 20*

Bot, warga Indonesia ditahan **menceroboh**

Georgetown

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan Indonesia bersama empat kru kerana menceroboh perairan negara untuk menangkap ikan di kedudukan 39 batu nautika di barat daya Pulau Kendi, dekat sini, Jumaat lepas.

Pengarahnya, Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata pihaknya yang menjalankan rondaan rutin Op Tanjung telah mengesan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan sedang menangkap ikan pada 1.10 tengah hari.

“Pemeriksaan yang dijalankan mendapati bot nelayan itu dikendalikan oleh seorang tekong bersama tiga kru yang kesemuanya berumur 27 hingga 47 tahun dan mereka tiada sebarang dokumen perjalanan diri,” katanya.

Beliau berkata kesemua mereka ditahan untuk siasatan lanjut dan kes itu di-siasat menurut Akta Peri-



EMPAT nelayan warga Indonesia yang ditahan APMM.

kanan 1985 dan Akta Imigrasi 1959/63 kerana tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Sementara itu, Abd Razak berkata Kapal Maritim Sikuat telah mengusir tiga bot nelayan Indonesia bermula

pukul 7 pagi hingga 8 pagi Jumaat kerana dikesan berada di kawasan Unresolved Maritime Boundary iaitu 80 batu nautika dari barat Pulau Kendi, kawasan perairan yang dituntut oleh Malaysia dan Indonesia.

“APMM akan terus memantau kegiatan penceroohan bot nelayan asing di sempadan perairan negara bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan perairan negara sentiasa terjamin,” katanya.